

# Pemimpin kaum lain dicabar

BH - 2 JUN 2002

KUALA LUMPUR: Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) mencabar pemimpin kaum lain di negara ini menerima konsep Sekolah Wawasan dengan ikhlas dan menghapuskan sistem pendidikan aliran jenis kebangsaan bagi memastikan pendidikan dinikmati semua pelajar bermula pada peringkat sekolah rendah.

Presidennya, Datuk Suhaimi Ibrahim, berkata pelaksanaan Sekolah Wawasan berasaskan pendidikan kebangsaan perlu dilaksanakan segera bagi memastikan semua pelajar pelbagai kaum bukan saja bersaing untuk mendapat tempat ke pusat pengajian

tinggi malah ketika mereka mula bersekolah.

Sehubungan itu, katanya, tidak ada sebab bagi mana-mana pemimpin mempertikaikan isu hak istimewa orang Melayu kerana tugas pemimpin terutama pemimpin Umno adalah untuk mewujudkan daya saing serta daya juang pelajar Bumiputera bagi mencapai kecemerlangan dalam pendidikan.

"Soal hak istimewa orang Melayu memang sudah jelas dan termaktub dalam Perlembagaan di mana ia tidak boleh disentuh kerana matlamat kerajaan adalah meletakkan persaingan dalam menghadapi cabaran.

"Jangan kerana alasan

mahukan persaingan dengan kaum lain, hak istimewa orang Melayu dikorbankan, itu tidak wajar," katanya ketika dihubungi *Berita Minggu*, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir yang berkata, pelajar Bumiputera tidak boleh terus mengharap kepada hak keistimewaan orang Melayu dalam bidang pendidikan, sebaliknya harus menerima hakikat bahawa mereka perlu bersaing.

Dr Mahathir ketika dalam perjumpaannya dengan Exco Pergerakan Pemuda Umno, Jumaat lalu, dipetik sebagai berkata walaupun

orang Melayu berbangga dengan hak keistimewaan itu, pada pandangan orang luar, hak itu adalah satu penghinaan.

Sebelum itu beberapa pemimpin termasuk daripada DAP dan MIC mendakwa pemilihan pelajar ke IPTA berasaskan sistem merit memberi kelebihan kepada pelajar Bumiputera hingga menyebabkan kemerosotan peratusan kemasukan jumlah pelajar bukan Bumiputera.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu berkata, pemilihan kemasukan pelajar Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ke IPTA berasaskan sistem

## terima Sekolah Wawasan

merit tidak sesuai bagi pelajar India.

Bagaimanapun, pelbagai pihak, termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menggesa kerajaan mengekalkan pemilihan kemasukan pelajar ke universiti berasaskan sistem merit dan menganggap pihak yang menjadikan sistem itu sebagai isu kerana kurang senang dengan pelaksanaannya dan bukan mempersoalkan sistem berkenaan.

Kementerian Pendidikan mengumumkan seramai 32,752 lepasan STPM dan kelayakan setaraf termasuk 22,557 atau 68.9 peratus pelajar Bumiputera dipilih melanjutkan pengajian pada peringkat ijazah per-

tama di 17 IPTA tahun ini.

Pemilihan kemasukan pelajar STPM dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dibuat berasaskan sistem merit sepenuhnya bermula tahun ini dan bukan lagi sistem kuota mengikut kaum yang memperuntukkan 55 peratus bagi pelajar Bumiputera dan 45 peratus bukan Bumiputera, seperti yang diamalkan sebelumnya.

Suhaimi berkata, pemimpin kaum lain di negara ini perlu menerima kenyataan melalui sistem pendidikan yang seragam saja persaingan yang adil dapat dibuat bagi kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi.

Katanya, sikap pemimpin

Melayu memandang remeh isu hak istimewa orang Melayu dan mengaitkan kelemahan pelajar Bumiputera dalam kecemerlangan pendidikan sebagai satu fenomena yang membimbangkan serta dilihat berat sebelah.

"Kita bimbang kerana jika dibiarkan perkara ini berterusan dan kerajaan terlalu banyak memberi ruang kepada kaum lain, kita sendiri akan ditertawakan orang sedangkan anak dibuai mati kehausan," katanya.

Beliau menambah, statistik sebenar jumlah pelajar bukan Bumiputera ke institusi pengajian tinggi termasuk di institusi pengajian tinggi swasta dan universiti

luar negara jelas lebih besar daripada jumlah pelajar Bumiputera di pusat pengajian tinggi.

"Ini dapat dilihat sendiri daripada perbandingan jumlah profesional Bumiputera dan bukan Bumiputera dari segi tenaga kerja," katanya.

Katanya, GPMS tidak pernah menidakkan hak kaum lain di negara ini tetapi pada masa yang sama kaum bukan Bumiputera bukan saja perlu menghormati sistem yang ada malah ikhlas mewujudkan integrasi kaum di peringkat awal iaitu di sekolah rendah bagi memastikan kesaksamaan dan keadilan sosial dinikmati semua pihak.